

# Keganasan AS berterusan sesudah Saddam ditawan

11M 16 DEC 2003

SEOUL 15 Dis. — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan keganasan ke atas Amerika Syarikat (AS) dan sekutu-sekutunya akan berterusan sekali pun bekas Presiden Iraq, Saddam Hussein sudah ditawan.

Bekas Perdana Menteri berkata, ini kerana selagi masalah Palestin tidak diselesaikan selagi itulah percubaan untuk melakukan keganasan ke atas Amerika berlaku walaupun AS mengambil keputusan untuk keluar dari Iraq.

“Saddam sudah ditawan, soalnya apa akan mereka lakukan?”

“Saya berpendapat ia tidak akan hentikan keganasan terhadap Amerika dan sekutu-sekutunya,” katanya kepada wartawan Malaysia di Hotel Grand Intercontinental di sini hari ini.

Dr. Mahathir memberitahu demikian ketika ditanya mengenai penawanan bekas Presiden Iraq oleh tentera AS.

Dr. Mahathir berada di sini bagi menghadiri Forum Asia Timur yang mana beliau adalah salah seorang daripada empat

bekas ketua negara yang menyampaikan ucapan pada majlis tersebut.

Ditanya adakah Saddam akan dibicarakan secara adil nanti, Dr. Mahathir berkata, Saddam perlu dibicarakan oleh pihak yang berkecuali kerana ‘pengadu (Amerika) tidak boleh menjadi hakim dan pendakwa’ pada masa yang sama.

“Sekiranya mahu diadakan perbicaraan, dia mesti dilakukan oleh pihak berkecuali, barulah kita dapat capai keadilan,” katanya.

Ditanya sama ada Majlis Pemerintah Iraq boleh berlaku adil terhadap bekas Presiden Iraq itu, beliau berkata, majlis tersebut sepatutnya dipilih oleh rakyat Iraq sendiri, bukannya oleh AS.

Masalahnya, kata Dr. Mahathir, mereka yang tidak dapat diterima oleh pihak AS tidak boleh menyertai majlis berkenaan dan kerana itulah AS perlu meninggalkan Iraq dan pada masa yang sama tidak memberi sokongan kepada Israel.